

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 10MAC 2015**

**RUJUKAN : 7487**

**SOALAN:**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan tindakan yang akan diambil terhadap Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di Pulau Pinang yang dikatakan sebagai satu badan yang tidak mengikut undang-undang dan sama ada PPS tersebut akan digabungkan dengan badan keselamatan yang lain.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Undang-undang di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] telah memperuntukkan bahawa mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah di dalam Malaysia perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Dalam hal ini, kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan membolehkan tindakan undang-undang diambil di bawah Seksyen 6(3), Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Seksyen itu menyebut bahawa, “Sesiapa yang melakukan pelanggaran terhadap Seksyen 6(2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika pelanggaran itu adalah suatu pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama”.**

**Justeru, berhubung dengan status pendaftaran Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang, didapati ia tidak pernah memohon untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Oleh itu, pada 03 November 2014, Kementerian Dalam Negeri telah mengisytihar danewartakan Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang sebagai sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah Seksyen 5 Akta yang sama.**

**Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci mengenai perkara-perkara berkaitan Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan pihak Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia yang sedang berjalan.**